

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 APRIL 2022
AKHBAR : HARAKAH
MUKA SURAT : 11

Projek ECRL capai kemajuan hampir 29 peratus

Projek ECRL capai kemajuan hampir 29 peratus

Oleh **AIN MANAF**

KOTA BHARU: Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sekarang mencapai kemajuan sebanyak 28.5 peratus membabitkan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor.

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Dato' Seri Darwis Abdul Razak berkata, kemajuan projek meliputi kerja cerucuk, tanah dan pembinaan terowong.

Katanya, projek berkenaan kini berjalan lancar mengikut jadual ditetapkan, termasuk proses pengambilan tanah dan sebagainya.

"Bagi jajaran Kelantan kemajuan dicapai setakat ini sebanyak 21.5 peratus manakala proses pengambilan tanah untuk jajaran utama selesai sepenuhnya,"

katanya kepada pemberita pada Majlis Iftar bersama MRL baru-baru ini.

Pada Januari 2019 Kerajaan Pakatan Harapan (PH) membatalkan kontrak dengan China Communication Construction Company Ltd (CCCC) setelah projek ECRL yang digantung pada Julai 2018.

Bagaimanapun selepas kerajaan PH tumbang, projek impak tinggi itu disambung semula Perikatan Nasional dengan ditambah baik dan diajarkan semula ke laluan asal yang dicadangkan pada 2016-2017.

Darwis juga berkata, pembinaan terowong terpanjang projek ECRL yang dikenali Terowong Genting sepanjang 16.3 kilometer dari Pahang ke Selangor, akan bermula bulan depan.

Menurutnya pembinaan Genting Tunnel tersebut di-



Darwis Abdul Razak

jangkakan mengambil masa selama dua setengah tahun yang membabitkan sepanjang 10 km di Pahang, dan 6 km di Selangor.

"Kerja-kerja pembinaan terowong sepanjang 61.1 km melibatkan 59 terowong di laluan ECRL sudah berjalan," katanya.

Projek terbabit dijadual siap sepenuhnya pada Disember 2026 membabitkan laluan sepanjang 665 km.